



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **101 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **51,216 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu di daerah Kalabakan. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Jumlah 101 kes pada hari ini merupakan bilangan terendah sejak 01 Oktober tahun lalu. Selepas tarikh tersebut, penularan kes COVID-19 di Sabah terus merekodkan peningkatan melepasi jumlah 100 kes sehari. Kemuncak jangkitan pandemik ini ialah pada 06 November 2020 di mana sejumlah 1,199 kes dicatatkan.
  
- 3 Kerajaan Negeri amat mengharapkan agar bilangan kes di negeri ini terus mencatatkan penurunan selepas ini. Sehubungan itu, adalah diharapkan rakyat Sabah dapat mematuhi arahan-arahan semasa dan SOP yang ditetapkan oleh kerajaan khususnya pada musim perayaan. Tidak mustahil kita akan mencapai sifar Covid-19 sekiranya rakyat dapat mengekalkan amalan norma baharu dalam kehidupan seharian sebagaimana yang diamalkan sekarang.

4 Pada hari ini, seramai 174 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 49,148 orang. Pada hari ini, sejumlah 1,150 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 456 orang di hospital, 691 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan tiga (3) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 58 orang dan 22 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

5 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tambunan bertukar dari zon kuning ke zon jingga

6 Pada hari ini, **tiada** kluster baharu dilaporkan.

7 Daripada 101 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 71 kes (70.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 12 kes (11.9%), saringan kluster sedia ada empat (4) kes (3.9%) dan 14 kes (13.9%) adalah dari lain-lain kategori.

- 8 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,078 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,033 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,111 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 18.82%.

## **B BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga 13 Februari 2021, sejumlah **38,195** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS**

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 49 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 25,317 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 74 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun 22 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 71 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 118 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 37 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, satu (1) tangkapan dibuat oleh APMM di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu daerah Kota Kinabalu, Semporna, Tambunan dan Tawau.

- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 88 lokasi melibatkan 15 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa Etnik Sabah.
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 319 hebahan di seluruh Sabah.

**D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.85%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	94%
2	Kota Kinabalu	94%
3	Keningau	93%
4	Semporna	93%
5	Kunak	93%
6	Kota Belud	93%
7	Kinabatangan	93%
8	Beaufort	93%
9	Sipitang	93%
10	Lahad Datu	93%
11	Kudat	93%
12	Ranau	93%
13	Tawau	93%
14	Beluran	93%
15	Papar	93%
16	Kota Marudu	92%
17	Penampang	92%
18	Sandakan	92%
19	Tuaran	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

**#kitajagakita #normabaharu**

**Sekian.**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
13 Februari 2021**